

MENTHOMCOOL LOTION

Active Ingredients per 100g: Methyl Salicylate (10 %w/v), L-Menthol (3 %w/v), DL-Camphor (2.5%w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Menthomcool Lotion
2. Bagaimana Menthomcool Lotion berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan Menthomcool Lotion
4. Cara menggunakan Menthomcool Lotion
5. Semasa menggunakan Menthomcool Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Menthomcool Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemasikini RiMUP

Apakah kegunaan Menthomcool Lotion

Menthomcool Lotion melegakan sakit otot dan sakit reumatik.

Bagaimana Menthomcool Lotion berfungsi

Methyl Salicylate dan Menthol membantu mengurangkan sakit otot, manakala Camphor meningkatkan aliran darah dan melegakan kesakitan dan bengkak.

Sebelum anda menggunakan Menthomcool Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan
 - Jika terdapat luka terbuka, ruam atau jangkitan kulit.
 - Jika anda mempunyai alahan kepada Salicylate atau bahan lain dalam Menthomcool Lotion.
 - Jika pada masa yang sama anda menggunakan kain pembalut atau bahan lain yang mengandungi unsur panas kepada kulit.
- Sebelum mula menggunakan
Anda perlu memaklumkan kepada doktor:
 - Anda alah kepada sebarang ubat yang pernah diambil sebelum ini.
 - Anda mengandungi, merancang untuk mengandungi atau menyusukan bayi.

- Produk ini boleh menyebabkan sawan. Kontraindikasi bagi bayi berumur bawah 2 tahun. Langkah berjaga-jaga perlu diambil apabila merawat kanak-kanak yang lebih besar.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

- Anda dinasihatkan supaya berhati-hati jika anda sedang menerima rawatan perubatan lain.
- Anda dinasihatkan supaya berhati-hati jika dan sedang mengambil aspirin/warfarin. (Penggunaan berlebihan akan meningkatkan kejadian pendarahan).

Cara menggunakan Menthomcool Lotion

Disyorkan untuk orang dewasa & kanak-kanak umur 2 tahun ke atas. UNTUK KEGUNAAN LUAR SAHAJA.

- Berapa banyak harus digunakan
Sapukan pada bahagian yang sakit 1 – 4 kali sehari.
- Jika terlupa menggunakan
Tidak ada regimen dos yang ditetapkan
- Jika digunakan secara berlebihan (terlebi dos)

Gejala keracunan sistemik salisilat telah dilaporkan selepas penggunaan salisilat pada kawasan kulit yang luas atau dalam tempoh yang berpanjangan. Salisilisme juga boleh berlaku sekiranya sejumlah besar produk ini tertelan, walaupun kejadian ini jarang berlaku.

Sila dapatkan rawatan doktor atau segera ke hospital jika mempunyai sebarang gejala di atas.

Semasa menggunakan Menthomcool Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan
Sentiasa cuci tangan sebelum dan selepas menggunakannya.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan gunakan bahan yang mengandungi unsur panas pada kawasan yang sama dengan sapuan Menthomcool Lotion.

Elakkan sapu di bahagian mata.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Tiada

Kesan-kesan sampingan

Hentikan penggunaan dan dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika mengalami kesan sampingan berikut:

- Ruam
- Kemerahan (akibat kesesakan)
- Kegatalan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines(AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Menthomcool Lotion

- Penyimpanan
Simpan di bawah suhu 30°C dan pastikan bekas ditutup dengan ketat.

Jangan gunakan Menthomcool Lotion selepas Tarikh luput seperti yang dinyatakan pada label.

- Pelupusan
Ubat ini tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau sampah dari rumah. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi mengenai cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Losyen berwarna putih yang mengandungi zarah terampai.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif
Methyl Salicylate.....10g
L-Menthol.....3.0g
DL-Camphor.....2.5g

- Bahan tidak aktif
Light Mineral Oil,
Polysorbate 60, Sorbitan
Stearate, Trolamine,
Lanoline Oil, Carbomer
941, Water, Methyl Paraben,
Propyl Paraben.

- MAL Number
MAL25086035X

Pengilang

Sinsin Pharmaceutical Co., Ltd
9, Sojeong-myeon, Sejong-si,
Republic of Korea (30002)

Pemegang Pendaftaran Produk

The Zyfas Pharma Sdn. Bhd,
No. 15, Jalan Mega 1/5,
Taman Perindustrian Nusa
Cemerlang, 79200 Iskandar Puteri,
Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/08/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/103